



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN WATAK UTAMA NOVEL *JERJI KASIH*
DAN *MELUNAS RINDU* SEBAGAI
MODEL MODAL INSAN**

OLEH:

ZAIDI BIN AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU**

**JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM, PERAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rajah yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

Tarikh: 13 Oktober 2010.

ZAIDI BIN AHMAD

M20082000011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



**PERANAN WATAK UTAMA NOVEL *JERUJI KASIH*
DAN *MELUNAS RINDU* SEBAGAI
MODEL MODAL INSAN**

ZAIDI BIN AHMAD


Kertas projek ini telah diterima oleh Program Kesusasteraan Melayu untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu pada sesi 2008/2010




Prof. Madya Dr. Hajjah Siti Khariah Mohd Zubir
(Penyelia)

10/12/2010

Tarikh



(Prof. Madya Dr. Mohd Rosli bin Saludin)
Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu

10/12/2010

Tarikh





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam kerana dengan limpah kurnia dan inayah-NYA maka pengkaji dapat menyiapkan tugas ini.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-NYA, pengkaji dapat menyiapkan tugas ini mengikut tempoh yang diberikan walaupun terdapat pelbagai kesulitan dan rintangan yang ditempuhi sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini.

Pada kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia kertas projek ini, iaitu Prof. Madya Dr. Hajjah Siti Khariah binti Mohd Zubir dari Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi kerana kesudian beliau memberikan bimbingan dan panduan sehingga siap kajian ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah yang telah mengajar dan membimbing pengkaji sejak melanjutkan pengajian di UPSI, iaitu Prof. Dr. Muhammad Bukhari Lubis, Dr. Hj. Abdul Halim bin Ali, Dr. Ani binti Omar, Dr. Idris Radzi, Dr. Azhar Wahid dan Prof. Emeritus Datuk Dr. Ishak Harun.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan sesi 2008/2010 yang tidak pernah berpisah sejak mula menjejakkan kaki di UPSI sehinggalah tamat pengajian, iaitu Ida Roziana binti Abdullah, Zailani bin Zawawi, Yusri bin Yassin dan Ahmad Zaidi bin Baharuddin.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada ayahanda Ahmad Hj. Bakar dan bonda Roziyah binti Md Salleh, kakanda serta semua adinda yang banyak memberi dorongan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada bapa dan ibu mertua, iaitu Hj. Abdullah bin Hassan serta Hj. Puziah binti Md Lizah serta adik-adik ipar yang banyak membantu. Tidak lupa, ucapan terima kasih tidak terhingga kepada isteri tersayang, Ida Roziana binti Abdullah kerana sekali lagi sudi dan bersama-sama mengharungi segala kesusahan dan kepayahan sehingga kita sama-sama menamatkan pengajian pada peringkat sarjana. Akhirnya, impian ini menjadi kenyataan. Terima kasih dan kemaafan diucapkan kepada anakanda Fikri Haziq dan Adli Fahmi kerana sentiasa memberikan dorongan serta sokongan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh pengkaji menyiapkan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang akan membalas segala jasa baik kalian. Terima kasih.

ZAIDI BIN AHMAD,

M20082000011

JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU,

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS,

TANJONG MALIM, PERAK.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis watak utama dan peranannya sebagai model modal insan dalam dua buah novel yang dipilih. Novel-novel yang dipilih ialah Novel Kesusasteraan Melayu KBSM Tingkatan 4 dan 5 yang bertajuk *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd. Rashid dan sebuah Novel Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia (KOMSAS) Tingkatan 4 yang bertajuk *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah. Permasalahan yang ingin dijawab adalah berkaitan dengan peranan watak utama. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti watak utama dalam novel-novel tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri modal insan yang dimiliki oleh watak utama serta membuktikan bahawa mereka berperanan sebagai model modal insan selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Pendekatan moral yang diperkenalkan oleh Horace telah digunakan sebagai landasan kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan pengkarya telah berjaya mengangkat watak-watak utama sebagai model modal insan kerana mereka memiliki semua ciri modal insan yang digariskan kecuali patriotik. Kajian menunjukkan bahawa watak Anuariza dan Fuad sangat sesuai dijadikan model modal insan kerana mereka memiliki ciri-ciri modal insan, keperibadian yang tinggi dan nilai-nilai murni yang holistik. Kajian ini juga membuktikan bahawa kedua-dua buah novel ini sangat sesuai dijadikan bahan bacaan oleh para pelajar. Kajian ini juga membuktikan bahawa para pengkarya juga mempunyai peranan, sumbangan dan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya ke arah pembentukan akhlak generasi muda.





ABSTRACT

The purpose of this study was to analyze the main characters and their roles as models of human capital in two selected novels. The selected novels are the KBSM Bahasa Melayu Literature novel for Form 4 and Form 5 entitle *Jeriji Kasih* by Ramlah Abd. Rashid and a Bahasa Melayu Literature Component Novel (KOMSAS) for a Form 4 entitle *Melunas Rindu* by Hartini Hamzah. Research questions of this study revolve around the roles of the main characters. This study was carried out to identify the main characters in these novels. This study also aimed to identify the human capital characteristics owned by the main characters and to prove that they serve as models of human capital in line with the National Educations Philosophy. Moral approach introduced by Horace was used as the basis for this study. Overall, this study has proven that the authors have successfully created models of human capital as the main characters because these characters possess all the features required, expert patriotic. This study has also shown that the characters, Anuariza and Fuad are suitable models of human capital because they have the characteristics of human capital with good personality and holistic moral values. In addition, this study also proven that the authors do have their contributions and important roles in building the morals of the younger generation.





SENARAI SINGKATAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
KOMSAS	Komponen Sastera Dalam Bahasa Melayu
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolah Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
YAB	Yang Amat Berhormat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ixupsi

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Falsafah Pendidikan Malaysia

Rajah 2: Teori Klasik Kesusasteraan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
Penghargaan	iv
Abstrak	vi
Abstract	vii
Senarai singkatan	viii
Senarai rajah	ix
Kandungan	x
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Pendidikan di Malaysia dan Pembinaan Insan	6
1.2  05-4506832  Permasalahan Kajian  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	14
1.3 Kepentingan Kajian	16
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Batasan Kajian	17
1.6 Definisi Konsep	18
1.7 Kaedah Kajian	21
1.8 Kesimpulan	21
 BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	23
2.2 Sorotan Literatur Peringkat Doktor Falsafah	24
2.3 Sorotan Literatur Peringkat Sarjana	25
2.4 Sorotan Literatur Peringkat Ijazah Sarjana Muda	26
2.5 Sorotan Literatur Buku Ilmiah	30
2.6 Kesimpulan	33

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	34
3.2	Pendekatan Moral	35
3.3	Kesimpulan	39

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Ciri-ciri Utama Modal Insan	42
4.3	Watak Utama dalam Novel <i>Jeriji Kasih</i> dan <i>Melunas Rindu</i>	44
4.4	Peranan Watak Utama Novel <i>Jeriji Kasih</i> dan <i>Melunas Rindu</i> Sebagai Model Modal Insan dalam Bidang Ekonomi	47
4.5	Peranan Watak Utama Novel <i>Jeriji Kasih</i> dan <i>Melunas Rindu</i> Sebagai Model Modal Insan dalam Bidang Sosial	69
4.6	Peranan Watak Utama Novel <i>Jeriji Kasih</i> dan <i>Melunas Rindu</i> Sebagai Model Modal Insan dalam Bidang Pendidikan	108
4.7	Peranan Watak Utama Novel <i>Jeriji Kasih</i> dan <i>Melunas Rindu</i> Sebagai Model Modal Insan dalam Bidang Keagamaan	124
4.8	Kesimpulan	139

BAB 5: KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	141
5.2	Dapatan Kajian	141
5.3	Kesimpulan	144

Bibliografi



LAMPIRAN

Lampiran 1 Sinopsis Novel *Jeriji Kasih*

Lampiran 2 Sinopsis Novel *Melunas Rindu*



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kecemerlangan atau kemunduran sesebuah organisasi atau negara itu sebenarnya dipengaruhi secara sepenuhnya oleh sumber manusia yang membentuk sebuah kesatuan yang utuh dan ampuh. Sumber manusia inilah yang menjadi tunjang yang kukuh kepada organisasi atau negara tersebut. Kehebatan dan kebijaksanaan sumber manusia inilah yang menjadi penjana kepada kecemerlangan organisasi atau negara berkenaan. Begitu juga dengan kecemerlangan dan kemajuan yang dimiliki oleh sesebuah komuniti atau negara. Sumber manusianya merupakan salah satu aset yang amat penting dalam menjamin kecemerlangan dan kemajuan komuniti atau negara itu.

Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi merupakan individu yang bertanggungjawab kepada tercetusnya revolusi idea dalam memberi penekanan kepada usaha untuk membangunkan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi masa hadapan. Ini kerana generasi akan datang ini merupakan aset insani yang amat berharga dan paling penting dalam usaha kerajaan untuk





mewujudkan sebuah negara bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang Wawasan 2020.

Sapora Sipon & Mohamed Asin Dollah dalam Nik Salida Suhaila Nik Saleh et al. (2008:1 & 2) menyatakan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) mensasarkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam usaha memperlengkapkan Misi Nasional dan Wawasan 2020. Bagi mencapai matlamat ini, pembangunan modal insan perlu digarap ke arah pembentukan individu berkualiti yang mempunyai pakej lengkap sebagai individu yang holistik dalam semua aspek kehidupan meliputi aspek fizikal, spiritual, emosi dan kebendaan (*material*).

Dalam laman web <http://www.scribd.com/doc/21601572/MINDA-KELAS-PERTAMA> dinyatakan bahawa sumber manusia atau dikenali juga sebagai modal insan adalah aset terpenting kepada sesebuah organisasi atau sesebuah negara kerana maju atau mundurnya sesebuah organisasi atau negara itu bergantung sepenuhnya pada kualiti yang ada pada sumber manusianya. Oleh sebab itu, pembangunan sumber manusia ini menjadi agenda utama YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Perdana Menteri telah mensasarkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam mencapai impian Wawasan 2020.

Faktor kecemerlangan modal insan ini perlu wujud di segenap ruang dan herarki masyarakat dan negara yang menjadi nadi kepada keutuhan dan kecemerlangan bangsa tersebut. Untuk memastikan kecemerlangan dan kemajuan sesebuah komuniti atau negara itu dapat berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah, maka setiap warga masyarakat yang membentuk komuniti atau negara itu perlu memainkan peranan yang sangat penting agar terjalinnya suatu hubungan yang sangat akrab. Keakraban hubungan antara ahli





masyarakat ini akan menjadi senjata yang sangat ampuh dan utuh kepada kemajuan dan kecemerlangan masyarakat atau negara.

YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam Perutusan Hari Kebangsaan ke-48 pada tahun 2005, menyatakan untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekerti mulia, mempunyai hemah yang tinggi, berjiwa besar, cintakan negara dan mereka juga mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani. Kita mestilah menjadi rakyat yang cintakan negara ini, rakyat yang bersemangat, bersedia bekerja dengan kuat, bekerja dengan rajin serta menjadi rakyat yang mengamalkan budi bahasa yang bermutu tinggi.

Modal insan merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Merekalah yang akan menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Haji Shahrudin Baharuddin dalam Siti Khariah & Zarima Mohd Zakaria (2009: 28) menyatakan bahawa modal insan secara umum ialah merujuk kepada manusia yang dikategorikan berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada pada diri seseorang di dalam perkongsian atau bagaimana seseorang pekerja itu boleh memberikan pulangan pendapatan kepada organisasi atau sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Dia juga menjelaskan bahawa modal insan merujuk kepada usaha dalam meletakkan nilai tara di antara diri dan pekerjaan yang akan dilakukan atau pengukuran nilai ekonomi terhadap aset kemahiran yang dimiliki oleh para pekerja berasaskan kepada aset yang dimiliki oleh seseorang individu. Aset yang



dimaksudkan di sini merujuk kepada keupayaan, kebolehan, kemahiran seseorang pekerja tersebut bagi melakukan pekerjaannya.

Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, iaitu YAB Dato' Seri Najib Abdul Razak mengutamakan modal insan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Menurut Anwar Hussin et al. (2010: 2) strategi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang menggabungkan pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan sebagai teras, dilihat amat berkesan untuk meletakkan negara di landasan yang tepat ke arah mencapai negara maju dan berpendapatan tinggi. Rancangan itu diyakini akan membawa perubahan kepada negara dan rakyat pelbagai kaum untuk mengharungi cabaran mendatang, khususnya perubahan ekonomi dunia serta persaingan yang bakal ditempuh oleh negara pada masa hadapan. Mahdi Shuid et al. (2010: 40) menyatakan pendidikan dan pengetahuan dikatakan prasyarat penting untuk mana-mana negara mencapai kejayaan dan di sepanjang sejarah, kita telah melihat hanya empayar yang berteraskan akal yang terus wujud. Satu ciri negara bangsa yang kukuh ialah masyarakat yang memiliki dan menempatkan pendidikan dan pengetahuan di mercu segala yang lain.

Mohd. Ismail Zamzam (1993: 65) menyatakan bahawa sesebuah negara mungkin mempunyai sumber alam yang kaya, tetapi kalau negara itu tidak mempunyai sumber tenaga manusianya yang cukup untuk mengolah sumber alam yang ada tidak mungkin dapat dimanfaatkan kepada rakyat terbanyak. Justeru itu, dalam menghadapi tahun 2020, generasi muda kita yang ada dan generasi yang akan datang perlu dibentuk bukan sahaja menjadi manusia yang cerdas, sihat jasmani dan rohani, tetapi jadi manusia yang kreatif yang dapat memanfaatkan sumber alam yang wujud disekelilingnya untuk kepentingan bangsa dan negara.



Robiah Kulop Hamzah (2001: ix) menyatakan golongan remaja adalah pewaris generasi yang akan datang. Golongan remaja banyak memberi kesan kepada perkembangan budaya masyarakat dan negara. Cara hidup yang diamalkan oleh golongan remaja masa kini adalah gambaran budaya yang akan datang. Oleh itu kalau budaya masa kini itu baik dan sesuai maka dapat dianggap baik dan sesuai pulalah budaya yang terbina pada masa akan datang. Tetapi jika sebaliknya yang terjadi, kesannya amat besar pada pembangunan budaya bangsa dan negara. Budaya adalah cara hidup yang menjadi sendi sesuatu bangsa. Budaya tidak dapat dibentuk dalam masa sehari atau dalam sekelip mata, tetapi memerlukan masa yang sangat lama. Lee Lam Thye (2000: 46 & 47) menyatakan negara memerlukan generasi yang berpengetahuan, mempunyai ketahanan mental dan kekuatan dalaman, berakhlak mulia, berwibawa dan berwawasan, berdaya saing, berdisiplin, bertanggungjawab terhadap keluarga, bangsa dan negara, bermotivasi tinggi, kreatif, berdedikasi dan berfikiran luas serta positif.

Kamarudin Musa (1999: 42) menyatakan potensi sumber manusia merupakan aset terpenting yang menentukan kejayaan atau kegagalan pencapaian matlamat organisasi. Situasi ini ketara jika dirujuk kepada pengalaman ekonomi negara yang terbatas “sumber alamnya” sejak dua dasawarsa lalu. Yang jelas, sumber yang paling utama bagi sesebuah negara ialah bakat, kemahiran, daya cipta, dan daya usaha rakyatnya. Tenaga intelek adalah sumber yang amat berharga berbanding dengan sumber alam.

Alimuddin bin Haji Mohd. Dom dalam Halis Azhan Mohd Hanafiah (2010: 1) menegaskan bahawa matlamat dan dasar kementerian dalam membina negara bangsa adalah untuk memastikan setiap pelajar memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan moral, hidup sebagai sebuah masyarakat penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik serta bersatu padu.



Bagi merealisasikan hasrat ini, guru dan institusi pendidikan merupakan agen perubahan yang penting dalam memainkan peranan memastikan generasi pewaris negara diberikan pendidikan tidak berbelah bagi. Menurut Haryati Shafii (2010: 24) Mahbub Ul Haq, pakar ekonomi dari Pakistan mempelopori konsep ini dan menjelaskan bahawa “pembangunan manusia” ialah pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri, iaitu manusia menjadi ejen pembangunan dan sekali gus menjadi matlamat akhir kepada pembangunan itu sendiri. Dalam laman web <http://pkukmweb.ukm.my/~hairun/kertaskerja/sekolahagama> dinyatakan bahawa sumber manusia merupakan satu aspek yang penting untuk pembangunan ekonomi sesebuah negara. Ini adalah kerana daya saing, daya pengeluaran, daya cipta dan keupayaan dalam teknologi baru di sesebuah negara akan ditentukan oleh kualiti sumber manusianya.

1.1.1 Pendidikan di Malaysia dan Pembinaan Insan

Ahmad Muhammad Said dalam Mohd. Idris Jauzi (1991: 8) mendefinisikan pendidikan ialah proses pembinaan diri insan secara menyeluruh, seimbang dan sepadu; proses membangunkan kesedaran dan nilai-nilai insaniah: *conscientization*, dan proses menerapkan nilai-nilai murni dan luhur dalam diri atau fadhilah agar terpancar kebaikan pada diri, manusia lain dan alam. Ringkasnya matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan manusia baik, berguna, bertanggungjawab dan berakhlak. Ismail Jusoh melalui laman web <http://www.haluan.org.my/v3/index.php> menyatakan pendidikan bukanlah semata-mata memenuhi otak anak didik dengan segala macam ilmu, konsep atau fakta yang belum mereka ketahui, tetapi maksudnya ialah mendidik akhlak dan jiwa mereka, menanamkan

rasa kebaikan *virtues* (kehidupan), membiasakan mereka dengan kesopanan yang tinggi, mempersiapkan mereka untuk suatu kehidupan yang suci selamanya, ikhlas dan jujur.


Hussein Haji Ahmad dalam Mohd. Idris Jauzi (1991: 39) menyatakan bahawa pembangunan sistem pendidikan di negara ini selepas merdeka merupakan hasil daripada segala proses yang bertitik-tolak daripada perancangan program-program kerajaan untuk melaksanakan berbagai-bagai peruntukan dan peraturan yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran Tahun 1957 dan Akta Pelajaran tahun 1957 dan Akta Pelajaran yang diluluskan oleh parlimen pada tahun 1961. Sebahagian besar daripada peruntukan dan peraturan ini telah berpandukan kepada ketetapan, perakuan dan syor-syor yang terdapat dalam Laporan Penyata Razak (1956) dan Laporan Penyata Abdul Rahman (1960).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Sasaran Kerja Utama telah menegaskan bahawa antara misi utamanya adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan yang terbaik bagi memastikan agar hasratnya untuk menghasilkan insan yang mempunyai daya tahan yang tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara. Misi Kementerian Pendidikan Malaysia adalah selaras dan selari dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Menurut Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2005: 7) misi ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang mengatakan:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta



memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”



Rajah 1: Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berpaksikan kepada Ketuhanan

Sumber : Mok Soon Sang (2007: 198)

Agama Islam juga amat mementingkan soal pendidikan. Baharuddin Ahmad (1993: 67) menyatakan satu lagi elemen dalam ajaran Nabi mengenai golongan muda ialah soal pendidikan. Sekiranya hadith yang bermaksud, “Menuntut ilmu itu diwajibkan ke atas kaum Muslimin sama ada lelaki atau perempuan” adalah tuntutan yang bersifat universal dalam soal menuntut ilmu, maka hadith yang bermaksud “Tuntutlah ilmu sejak dari lahir hingga ke liang lahat” menekankan betapa awalnya proses menuntut ilmu itu dalam ajaran Islam. Jaafar Abdul Rahim dalam Syed Omar Syed Agil & Alwi Mohd. Yunus (1997: 79



& 80) menyatakan pendidikan merupakan satu aspek yang amat penting dalam membangunkan sesebuah negara. Matlamat yang jelas berserta strategi dan perancangan yang tersusun tidak mempunyai erti sekiranya sistem pendidikan gagal mencapai objektif untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang amanah dan cekap dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Dalam erti kata lain, FPN adalah berasaskan falsafah untuk membentuk manusia yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Konsep manusia harus dibentuk dengan jelas dan ini merupakan matlamat negara. Sistem pendidikan yang dirangka merupakan alat ke arah pencapaian matlamat pembinaan insan yang seimbang. Unsur intelek meliputi hikmah iaitu ilmu yang membawa kepada kebenaran, daya pemikiran yang logik, analitis, kreatif serta ilmu yang bermanfaat. Unsur-unsur rohani dan emosi merangkumi keyakinan kepada Tuhan, kepercayaan kepada agama, kemantapan jiwa, penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat, berbudi pekerti serta berbakti dan berkorban.

Abd Rahim Abd Rashid (2001: 74) menyatakan bahawa nilai-nilai yang dipupuk di sekolah perlu membawa perubahan positif terhadap perkembangan personal. Pendidikan dan nilai-nilai yang ditanam di sekolah perlu dapat mencorakkan perubahan sahsiah, tingkah laku, ketrampilan sosial dan moral pelajar-pelajar. Ketrampilan personal seperti berilmu pengetahuan, berkemahiran, bermotivasi, bersikap positif, bertanggungjawab, berhemah tinggi, berfikiran luas dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan, tekanan dan perubahan menjadi ciri-ciri penting yang perlu ditunjukkan oleh golongan belia yang terpelajar.

Islam amat menuntut umatnya menuntut ilmu. Ini kerana melalui ilmu, manusia dapat menguasai ilmu yang dapat membantu manusia tersebut menuju ke arah kemajuan. Dalam laman web <http://www.islam.gov.my/islamhadhari/index/.php> dinyatakan bahawa



Islam mengutamakan ilmu dan ianya wajib dituntut oleh lelaki dan perempuan. Ilmu adalah suluh hidup dan menguasai ilmu bakal memberi jalan kemajuan dan perubahan. Oleh itu, di sisi Allah orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu statusnya tidak sama. Jelaslah di sini bahawa Islam amat menggalakkan umatnya menuntut ilmu demi mencapai kemajuan dan berubah ke arah kemajuan.

Pendidikan juga merupakan salah satu proses yang penting ke arah pembangunan modal insan. Dalam laman web <http://www.islam.gov.my/islamhadhari/index.php> dinyatakan bahawa pendidikan ialah proses mengadabkan insan. Pada tanggapan Barat, pendidikan dikaitkan dengan proses pemindahan maklumat, berketrampilan dan pengalaman dari guru kepada murid atau pensyarah kepada pelajar. Tradisi Islam dalam pendidikan sering menghubungkan pendidikan dengan pembangunan potensi insan. Manusia tidak hanya memiliki kekuatan akal atau minda tetapi Allah mengurniakan manusia dengan potensi rohaniah dan jasmaniah.

Siti Khariah Mohd Zubir dan Zarima Mohd Zakaria (2009: 30) menyatakan bina upaya akan diperkukuhkan untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembangunan modal insan yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta memiliki etika dan nilai universal yang kukuh seperti digariskan dalam Islam hadhari. Pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat akan terus dipergiat untuk menggalakkan peningkatan dikalangan semua lapisan masyarakat. Pendidikan mempunyai peranan yang sangat penting dalam usaha menyediakan warga atau modal insan yang bermutu yang berupaya mengangkat martabat bangsa dan negara ke satu tahap yang tinggi dan disegani serta dicontohi oleh negara-negara lain. Lim Lai Ching dalam Zulhimi Paidi & Rohani Abdul Ghani (2005: 20) menyatakan generasi yang



berdisiplin, produktif, progresif, berketrampilan, cekap dan mahir diharap dapat dilahirkan melalui pendidikan yang bermutu.

Pendidikan merupakan agen perubahan bagi umat Islam. Umat Islam akan dapat berkembang maju dan bersaing serta seiring dengan kaum-kaum lain dengan adanya penguasaan dalam bidang pendidikan. Mohd Nasir Omar (2005: 4) menyatakan memandangkan pendidikan merupakan agen utama yang akan terus berperanan mencorak masa depan generasi kita, para cendekiawan Muslim telah bersepakat tentang betapa perlunya dikotomi sistem pendidikan Barat sekular dan pendidikan tradisional (agama) diperbaiki dan disepadukan supaya selari dengan keperluan dan realiti masyarakat sekarang; manakala pendidikan akhlak dan nilai-nilai universal pula mesti mendasari dan memimpin kedua-dua sistem pendidikan tersebut.

Ismail Jusoh dalam laman web <http://www.org.my/v3/index.php> menyatakan tujuan pokok dan utama pendidikan Islam ialah mendidik budi pekerti dan pendidikan jiwa. Semua mata pelajaran haruslah mengandungi pelajaran-pelajaran akhlak. Setiap juru didik harus memikirkan akhlak keagamaan sebelum yang lainnya kerana akhlak keagamaan adalah akhlak yang tertinggi, sedang akhlak yang mulia itu adalah tiang dari pendidikan. Angkatan Belia Islam Malaysia (1993: 12) menyatakan pendidikan merupakan landasan terbaik melahirkan generasi penerus yang berwibawa. Perubahan dalam politik, ekonomi dan sosial tidak akan berlaku dengan terencana tanpa pendidikan yang sempurna.

Norsiah Fauzan dalam Roslan Ali & Norsiah Fauzan (2007: 28) menyatakan kemuncak kepada pengajaran dan pembelajaran ilmu dalam Islam ialah penghayatan serta pemahaman ilmu dengan hati. Dengan kata lain, pendidikan bersepadu seperti yang dikehendaki oleh Islam telah mengambil hati sebagai alat utama pengajaran dan

pembelajaran. Asar Abdul Karim (2008: 77) menyatakan seperti mana yang telah diketahui oleh masyarakat Islam secara umum (dengan mutawir) bahawa wahyu Allah SWT yang pertama diturunkan adalah merupakan beberapa ayat pertama surah *al-Alaq*, di mana ia berlaku ketika Nabi SAW berjumpa malaikat Jibril AS di Gua Hira'.

Syed Omar Syed Agil & Alwi Mohd. Yusuf (1997: 80) menyatakan pembinaan insan seimbang memerlukan sistem pendidikan yang seimbang dan bersepadu antara ilmu yang bersumberkan wahyu dengan ilmu yang bersumberkan akal; antara ilmu untuk kehidupan dunia dengan ilmu untuk kehidupan akhirat dan antara ilmu moden masa kini dengan ilmu hasil pemikiran pemikir-pemikir Islam zaman lampau. Roziah Sidik (2004: 111) menyatakan pembangunan sumber manusia adalah aspek yang penting dalam kehidupan umat masa kini. Walaupun ia agak menonjol kebelakangan ini, namun ini tidak bermaksud ia adalah perkara baru dalam kehidupan manusia. Ini kerana, ia sebenarnya sudah lama dilakukan. Malah sorotan ke atas sejarah hidup Muhammad (SAW) membuktikan bahawa pembangunan sumber manusia dititik-beratkan sejak lebih 1400 tahun yang lalu.

Islam amat menuntut umatnya menuntut ilmu. Ini kerana melalui ilmu manusia dapat menguasai ilmu yang dapat membantu manusia tersebut menuju ke arah kemajuan. Dalam laman web <http://www.islam.gov.my/islamhadhari/index/.php> dinyatakan bahawa Islam mengutamakan ilmu dan ianya wajib dituntut oleh lelaki dan perempuan. Ilmu adalah suluh hidup dan menguasai ilmu bakal memberi jalan kemajuan dan perubahan. Oleh itu, di sisi Allah orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu statusnya tidak sama. Jelaslah di sini bahawa Islam amat menggalakkan umatnya menuntut ilmu demi mencapai kemajuan dan berubah ke arah kemajuan. Farah Nini Dasuki (2010: 1) menyatakan pendidikan agama yang berlandaskan nilai-nilai teras dan

murni sangat-sangat penting diserapkan di dalam jiwa mereka sejak kecil lagi dan bukannya ketika mereka memasuki alam remaja. Ghazali Darusalam (1997: 48) menyatakan al-Quran al-Karim bukan sahaja satu kitab yang membicarakan masalah-masalah hukum-hukum Allah, politik, pendidikan bahkan ia juga menyingkap bidang-bidang sosiologi khasnya pembentukan sahsiah seseorang insan dan sesebuah masyarakat. Sumber utama rujukan ilmu akhlak ialah Kitabullah yang menghuraikan secara terperinci dan jitu.

Menurut Tan Sri Ahmad Sarji, Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), dalam laman web <http://www.Ikim.gov.my/v5index.php> menyatakan bahawa pendidikan memang asas utama dalam pembentukan modal insan dan didikan agama menjamin keseimbangan. Pemantapan modal insan akan meningkatkan produktiviti dan seterusnya mutu sistem penyampaian sesebuah organisasi, sekali gus menjadi pemangkin kepada usaha membangunkan negara.

Dalam konteks yang lebih luas, pembangunan modal insan mencorakkan hala tuju negara ke arah matlamat dan wawasan yang diharapkan. Dalam laman web <http://pkukmweb.ukm.my/~pkaukm/BUKU1&2/PDF> dinyatakan bahawa pembangunan sumber manusia atau modal insan adalah agenda yang diberi penekanan penting dalam agama Islam. Dalam konteks lebih luas, modal insan mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana manusia yang menjadi pencetus kepada inisiatif dalam kegiatan sosio ekonomi. Dalam laman web <http://www.Ikim.gov.my/v5/index.php> pula dinyatakan bahawa untuk mencapai matlamat ini, manusia diperlukan mengikut ajaran Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW secara keseluruhan, mengikut segala ajaran al-Quran dan Sunnah, dia dijamin mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat. Dalam laman web

<http://pkukmweb.ukm.my/~hairun/kertaskerja/sekolahagama.pdf> dinyatakan bahawa pembangunan sumber manusia merupakan satu proses yang berterusan mempertingkatkan modal manusia. Ia amat penting kerana manusia adalah modal yang dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara. Banyak kajian menunjukkan bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan pertumbuhan ekonomi melalui pembangunan modal manusia.

Dalam laman web <http://www.mykhalifah.com/> dinyatakan bahawa di dalam Islam, modal insan sebenar merujuk kepada *Syakhshiah Islamiyah* (keperibadian Islam). Keperibadian setiap manusia terdiri dari *aqliyah* (cara berfikir) dan *nafsiyah* (cara bersikap). Jelasnya, konsep pembangunan sumber manusia dalam Islam adalah proses untuk membentuk insan yang baik dan berguna kepada pembangunan dan kemajuan masyarakat dan negara. Ia bukan sahaja kepada dirinya, malah masyarakat, agama dan negara.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kebelakangan ini, jelas terbukti bahawa berlaku perubahan pola sikap, budaya dan pemikiran generasi muda yang amat membimbangkan. Kebanyakan golongan ini terpengaruh dengan anasir luar terutamanya dari negara Barat. Keadaan ini telah menyebabkan golongan ini terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral. Ini amat merugikan kerana generasi muda ini merupakan modal insan negara. Pihak yang paling hampir dengan golongan muda ini yang sebahagian besarnya terdiri daripada golongan pelajar adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pembentukan modal insan menjadi fokus utama KPM. Ini jelas tergambar dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dapat menyokong teras pembentukan individu ini, terutamanya dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi. Penerapan elemen-elemen ini dalam karya sastra yang terpilih mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan.

Kajian ini ingin membuktikan bahawa novel yang digunakan dalam Komponen Sastra dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia (KOMSAS) Tingkatan 4 dan novel kesusasteraan Melayu KBSM Tingkatan 4 dan 5 yang diajarkan kepada pelajar sekolah menengah turut memberi sumbangan yang penting kepada pembangunan dan kemajuan negara. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti watak-watak utama yang terdapat dalam kedua-dua buah novel tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri modal insan yang dimiliki oleh watak utama dalam novel yang dikaji di samping untuk membuktikan adakah watak utama berperanan sebagai model modal insan selaras dengan matlamat FPN. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa watak yang ditonjolkan dalam novel-novel ini boleh dijadikan contoh kepada generasi muda terutamanya golongan pelajar agar dapat memberikan sumbangan bermakna dalam usaha untuk membangun dan memajukan negara kita pada masa hadapan.



1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian tentang ini diharapkan dapat menambah pengetahuan dan kefahaman khalayak tentang konsep modal insan. Kajian ini dapat membuktikan bahawa pembangunan modal insan sangat penting dalam usaha untuk menjamin sesebuah masyarakat, organisasi dan negara agar dapat berkembang dan bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Kajian ini juga membolehkan pengkaji menyenaraikan ciri-ciri modal insan yang terkandung dalam kedua-dua buah novel yang dikaji. Kajian ini juga diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada para pengkaji pada masa akan datang. Sekiranya masih terdapat ruang atau kekurangan dalam kajian ini, adalah diharapkan agar pengkaji pada masa hadapan dapat meneruskan kajian ini dan menambahbaik serta memperlengkapkan kajian ini. Selain itu, kajian ini juga dapat membuktikan kepentingan modal insan kepada kemajuan sesebuah masyarakat, organisasi dan negara.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membahaskan secara terperinci sejauh manakah kekuatan novel *Jeriji Kasih* dan novel *Melunas Rindu* dengan melihat aspek penerapan ciri-ciri modal insan selaras dengan matlamat FPN untuk melahirkan pelajar serta masyarakat yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Setelah meneliti ciri-ciri modal insan yang terkandung dalam dua buah novel yang dijadikan subjek kajian ini, maka akan terlihatlah kepada kita akan keistimewaan yang terdapat pada kedua-dua buah novel tersebut. Oleh



itu, dapatlah kita membuat kesimpulan adakah kedua-dua buah novel ini sesuai untuk dipilih sebagai teks untuk bacaan pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Secara lebih jelas lagi, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. mengenalpasti watak utama dalam novel-novel yang dikaji.
- ii. menganalisis ciri-ciri modal insan yang terdapat pada watak-watak dalam novel yang dikaji.
- iii. membuktikan bahawa watak utama berperanan sebagai model modal insan kepada generasi muda selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan terhadap dua buah novel. Novel yang pertama merupakan sebuah novel yang digunakan sebagai Novel Kesusasteraan Melayu KBSM Tingkatan 4 dan 5 yang bertajuk *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abd. Rashid.. Novel ini digunakan di sekolah-sekolah menengah Zon Utara mulai sesi persekolahan 2010. Novel kedua yang dikaji bertajuk *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah. Novel ini merupakan sebuah novel Komponen Sastera Dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia (KOMSAS) Tingkatan 4 yang digunakan di Zon Selatan mulai sesi persekolahan 2010.

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti watak utama dalam kedua-dua buah novel tersebut. Kajian ini jugabertujuan untuk menganalisis ciri-ciri modal insan yang dimiliki oleh watak utama. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana watak utama dalam novel-novel tersebut dapat berperanan sebagai model

modal insan kepada generasi muda terutamanya pelajar selaras dengan matlamat FPN. Kajian terhadap kedua-dua novel ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan moral yang diperkenalkan oleh Horace.

1.6 DEFINISI KONSEP

Berikut dibincangkan istilah-istilah yang digunakan sepanjang kajian dijalankan.

1.6.1 Peranan

Zenden dalam Faridah Ibrahim (1995: 27) mendefinisikan peranan sebagai apa yang sebenarnya dilakukan oleh individu dalam sesuatu jawatan. Dalam laman web <http://dspace.widyatama.ac.ip> menyatakan peranan merupakan aspek dinamisi kedudukan (status). Apabila seseorang melaksanakan hak dan kewajibannya sesuai dengan kedudukannya, maka ia menjalankan suatu peranan. Menurut Mitchell dalam Fauziah Kartini Hassan Basri & Faridah Ibrahim (1999: 2) menyatakan peranan menonjolkan bagaimana seseorang individu yang menjawat sesuatu jawatan dalam organisasi bertingkah laku. Perlakuannya merangkumi apa yang perlu dilakukannya dan bagaimana melakukannya.

1.6.2 Model

Kamarudin bin Jeon at el. (2005: 166) menyatakan model adalah contoh atau ikutan. Abdul Wahid Chairulah dalam laman web <http://www.damandiri.or.id/file> menyatakan model adalah pola (contoh, acuan, ragam) dari sesuatu yang akan dibuat atau dihasilkan. Menurut Abdul Wahid lagi dalam laman web yang sama, model adalah abstraksi dari sistem sebenarnya dalam gambaran yang lebih sederhana serta mempunyai tingkat prosentase yang bersifat menyeluruh. Ahmad Suyuti dalam laman web <http://www.damandiri.or.id/file> menyatakan model adalah abstraksi dari sistem sebenarnya, dalam gambaran yang lebih sederhana serta mempunyai tingkat prosentasi, yang bersifat menyeluruh. Dengan kata lain model adalah pola, contoh, acuan, ragam dari sesuatu hal yang akan dihasilkan.

1.6.3 Watak

Rahman Shaari (1987: 93) menyatakan istilah ini mempunyai beberapa makna, tetapi makna yang biasa ialah seluruh sifat dan tabiat yang membentuk pribadi manusia atau binatang. Watak juga merujuk kepada nilai-nilai moral dan prinsip-prinsip akhlak. Dalam kesusasteraan, watak mempunyai bidang makna yang khusus iaitu manusia dilukiskan dalam sesebuah cereka, baik cerpen, novel atau drama. Mohd. Laman web <http://www.scribd.com/doc/34564124/Kesusasteraan-Melayu-dan-KOMSAS> menyatakan watak ialah individu ciptaan/rekaan pengarang yang mengalami peristiwa atau konflik. Pada umumnya watak dalam sesebuah karya sastera ialah manusia, binatang atau benda



yang berwatak seperti manusia. Zainol Hisham Ahmad (1988: 69) mendefinisikan watak sebagai manusia atau orang yang memegang sesuatu perwatakan yang bergerak dalam aksi-aksi dalam sesebuah cerita atau lakonan.

1.6.4 Modal insan

Menurut Mahdi Shuid et al. (2010: 2) modal bermaksud sumber yang digunakan untuk mendapatkan atau mencapai sumber yang lain. Insan pula merujuk kepada makhluk ciptaan Tuhan iaitu manusia. Modal insan merupakan satu konsep yang menjadikan manusia sebagai modal kepada perkembangan sesebuah negara. Mohd Safaai Said dalam laman web <http://jpmpportal.prison.gov.my> menyatakan istilah modal insan (*human capital*) sering dikaitkan dengan kebolehan dan kemahiran manusia. Haji Shaharuddin Baharuddin dalam Siti Khariah & Zarima Mohd Zakaria (2009: 28) menyatakan bahawa modal insan secara umum ialah merujuk kepada manusia yang dikategorikan berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada pada diri seseorang di dalam perkongsian atau bagaimana seseorang pekerja itu boleh memberikan pulangan pendapatan kepada organisasi atau sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Gary S. Becker melalui laman web <http://zahirzainuddin.blogspot.com> menyatakan modal insan adalah berkaitan dengan ekonomi, masyarakat dan negara kerana individu tidak dapat dipisahkan daripada pengetahuan, kemahiran, kesihatan ataupun nilai. Ahmad Muhammad Said dalam Mohd. Idris Jauzi (1991: 12) mendefinisikan modal insan sebagai usaha mengembangkan diri pelajar secara seimbang dan sepadu dilakukan dengan memberi tumpuan kepada keperluan diri secara menyeluruh – rohani, intelek dan jasmani.





1.7 KAEDAH KAJIAN

Kajian terhadap novel *Jeriji Kasih* dan *Melunas Rindu* merupakan sebuah kajian teks. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Pengkaji telah mengunjungi ke beberapa buah perpustakaan dan pusat sumber jabatan untuk meneliti latihan ilmiah, jurnal dan buku yang sesuai dengan kajian ini.

1.8 KESIMPULAN

Pembangunan sumber manusia atau modal insan ini perlu diutamakan dan diberi perhatian yang sewajarnya dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana ia juga merupakan pemangkin utama yang bakal mencorakkan kemajuan dan kemahsyuran sesebuah organisasi atau negara. Modal insan merupakan satu aset yang sangat penting kerana ia dapat menjamin sesebuah komuniti, organisasi atau negara itu dapat berkembang seiring dengan perkembangan zaman, berdaya saing serta dapat membantu sesebuah negara agar terus cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelbagai bidang. Sumber manusia merupakan tonggak utama kepada kemajuan, kemakmuran dan kegemilangan sesebuah organisasi atau negara. Oleh itu, sumber manusia atau modal insan ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya dan dibangunkan dengan sebaik mungkin agar dapat memberi impak yang besar terhadap kemajuan dan pembangunan negara.





Pembangunan sumber manusia yang cekap akan membolehkan sesebuah organisasi atau negara itu mencapai pencapaian yang memberangsangkan dan tiada tolok bandingnya. Namun begitu, segala sumber yang dimiliki perlu digembeleng secara bersama agar impak kejayaannya dapat dirasakan dalam bentuk yang lebih besar dan lebih hebat lagi. Rakyat Malaysia perlu terus berusaha dengan lebih gigih dan terus berusaha untuk sentiasa tahan zaman, berdaya saing dan kompetitif selaras dan sejajar dengan dasar pembangunan dan kecemerlangan negara.

